KARIER WANITA PADA ZAMAN NABI

SYEIKH RIFA'AT AT-TAHTAWI

PENTERJEMAH

MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL

KARIER WANITA PADA ZAMAN NABI

Buku
ini dihadiahkan
khas untuk semua pencinta
ilmu dan kebenaran. Semoga segala
mutiara hikmah yang terdapat di dalam
buku ini dapat dimanfaatkan untuk
kebahagiaan hidup di
dunia dan juga
akhirat.

— Baytul Hikma & Mohammad Syafiq Ismail

KARIER WANITA PADA ZAMAN NABI

SYEIKH RIFA‘AT AT-TAHTAWI

PENTERJEMAH

MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL

Kandungan

Mukadimah Penterjemah

Atas nama Yang Kasih, daku menulis. Selawat dan salam, buat kekasih.

Segala puji hanyalah bagi Allah, yang telah mengizinkan penyelesaian terjemahan 'Karier Wanita pada Zaman Nabi sallAllah alaihi wa sallam', yang merupakan asalnya fasal penutup bagi kitab karangan Syeikh Rifa'at atTahtawi yang berjudul, "adDaulah alIslamiyah'. Syeikh Rifa'at atTahtawi merupakan tokoh modenis yang tak asing lagi, terkenal sebagai 'guru jauh' kepada Syeikh Muhammad Abduh, yang di mana kedua-dua mereka ini merupakan tokoh alumni Universiti alAzhar yang terlibat memacu perubahan serta tajdid dalam pemikiran umat pada abad yang lalu. Terjemahan kitab Talkhis Ibriz, karangan Syeikh Rifa'at atTahtawi telah diusahakan dan diterbitkan pihak IBDE, dengan judul, 'Imam di Kota Paris.'

Cetakan buku yang menjadi rujukan kita ialah terbitan Maktabah alAdab, Kaherah, Mesir 1410H/1990M. Kita tidak menterjemahkan seluruh fasal tersebut, dan hanya memetik bahagiannya yang menyentuh berkenaan karier wanita pada zaman Nabi sahaja, dan segala peringkasan kita akan akhiri perenggannya dengan tiga noktah (...) sebagai isyarat kepada pembaca bahawa adanya perenggan-perenggan yang tidak diterjemahkan sesudahnya, lalu disambung terus kepada yang berkaitan dengan topik asal.

Hal ini, khasnya di bahagian alMughanniyah, beliau membincangkan secara terperinci mengenai dalil-dalil berkenaan keharusan nyanyian di dalam Islam, dan jenis-jenis nyanyian yang dibolehkan, dengan menukilkan daripada sumber-sumber asal, terutamanya bab Adab asSama' di dalam kitab Ihya' Ulumuddin karangan Imam alGhazali.

Syeikh Rifa'at atTahtawi rahimahullah

Begitu juga, nota tambahan yang sekiranya merupakan tambahan Syeikh, akan kita akhiri dengan kata (-syeikh) di akhir penukilannya. Sementara selainnya itu merupakan notakaki dan tambahan penjelasan daripada kita,

alhamdulillah.

Sesungguhnya tiada apa yang kita miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allah. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dalam terjemahan ini, mohon segera dimaklumkan agar segera diperbetulkan, kerana tiada kitab yang sempurna melainkan alQuran.

Terima kasih kita ucapkan buat pihak Baytul Hikma atas kesudian menerbitkan dan menyebarkannya secara gratis nan *online*. Tiada hakcipta yang kita tuntut di balik terbitan ini, ia bebas diulangcetak dan disebarkan oleh sesiapa saja, dan digunakan dalam kajian-kajian.

Allah Maha Mengetahui.

SYAFIQ ATTAUHIDI
(Mohammad Syafiq Ismail)
Asar 27 Jumada atsTsaniyah 1440H / 4 Mac 2019M
Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah

Karier Wanita
Pada Zaman Nabi

Syeikh Rifa'at At-Tahtawi

Penterjemah

Mohammad Syafiq Ismail

FASAL KETIGA

Tentang wanita-wanita yang bekerjaya, yang sesuai buat mereka, dan mereka itu ialah: alMasyitoh (Pendandan), alQabilah (Bidan), alKhofidoh (Mudin/Tukang sunat bagi perempuan), alGhasilah (Tukang memandikan jenazah perempuan), dan alMughanniyah (Artis/Penyanyi)

Adapun Pendandan, yaknilah mereka yang mencantikkan wanita, dan merapikannya agar suaminya suka kepadanya. Pendandan Sayyidah Khadijah radiAllah anha namanya Zufar. Ibn Fathun berkata di dalam Dzail al-Isti'ab, "Zufar : Beliau ini merupakan pendandan Sayyidah Khadijah, Ummul Mukminin dan Ketua bagi wanita seluruh alam, radiAllah ta'ala anha. Beliau datang kepada Nabi sallAllah alaihi wa sallam sesudah itu (kewafatan Khadijah), dan baginda memuliakannya. Baginda bersabda, "Dia ini pernah datang kepada kami pada hari-hari Khadijah (yakni saat

beliau masih hidup)."

Apabila Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam dikahwinkan dengan Sofiyyah binti Huyai bin Akhtab, di Khaibar, ataupun di pertengahan jalannya (ke Madinah, bukan di tengah Khaibar), adapun yang mencantikkannya buat Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam, dan mendandan dan merapikannya ialah Ummu Sulaim binti Milhan[1], ibu[2] kepada Anas bin Malik radiAllah anhu, dan Rasulullah sallAllah alaihi wa sallampun bermalam di khemahnya (Anas).

Di dalam (kitab) alIsti'ab (disebutkan), 'Ummu Sulaim binti Milhan bin Khalid bin Hiram bin Jundub bin 'Amir bin Ghanam bin 'Adiy bin anNajjar, diperselisihkan tentang namanya. Dikatakan : Ramlah. Dikatakan : Rumaisah. Dikatakan : Mulaikah. Dikatakan : alGhumaiso'. Dikatakan : arRumaiso'. Beliau ini merupakan di bawah tanggungan Malik bin anNadhr, bapa kepada Anas bin Malik pada zaman Jahiliyah (sebelum Islam) – beliau melahirkan Anas bin Malik. Apabila Allah ta'ala mengurniakan Islam (kepada umat manusia), beliau memeluk agama Islam bersama kaumnya. Beliau memperkenalkan Islam kepada suaminya, akan tetapi dia (Malik) marah pula kepadanya. Dia keluar ke Syam, dan mati di sana.

Lalu yang menggantikannya dalam urusan

---

[1] Dinyatakan di dalam teks asal : ملحات, kita ubah kepada nama yang tepat yakni Milhan.

[2] Dinyatakan di dalam teks asal : أخى bermaksud saudara, dan kita ubah kepada ibu, kerana makna demikian lebih tepat menurut pendapat kita.

menanggungnya (yakni menjadi suaminya) sesudahnya (kematian Malik) ialah Abu Talhah alAnsari radiAllah ta'ala anhu. Beliau meminangnya, dalam keadaan beliau (Abu Talhah) masih berada di dalam agama kaumnya (yakni Jahiliyah). Beliau menyedari bahawa tiada jalan lain untuk mendapatkannya melainkan dengan Islam, maka beliau memeluk Islam dan menikahinya. Darinya, beliau (Ummu Sulaim) melahirkan Abdullah bin Abi Talhah alFaqih (yang pakar dalam ilmu Fiqh).

Ummu Sulaim radiAllah ta'ala anha meriwayatkan hadis-hadis daripada Nabi sallAllah alaihi wa sallam, dan beliau tergolong daripada wanita-wanita terpintar.' Selesai (penukilannya) dengan ubahsuai.

***

Adapun Bidan, maka Salma, maula (mantan hamba) Nabi sallAllah alaihi wa sallam (isteri[3] kepada Abu Rafi') bidan kepada Mariah (alQibtiyah), ibu kepada Ibrahim (bin Muhammad sallAllah alaihi wa sallam). Beliau (Mariah) melahirkannya di al'Aliyah (seluruh kampung dan kawasan Madinah yang berada di sisi Najd ialah al'Aliyah, seluruh yang bukan daripada itu yang berada di sisi Tihamah ialah asSafilah - syeikh).di sebuah tanah milik persendirian yang dinamakan pada hari ini sebagai Masyrabah Ummu Ibrahim[4] di alQudhab (dengan dhommah/baris depan pada

---

[3] Dinyatakan di dalam teks asal bahawa Salma anak perempuan Abu Rafi', namun yang tepatnya ialah isteri kepada Abu Rafi', dikenal dengan kuniah Ummu Rafi'.

[4] Dinyatakan di dalam teks asal : Masyrabah Ibrahim, kita ubah kepada nama yang lebih tempat seperti dalam teks terjemahan.

huruf alQaf, merujuk kepada satu wadi/lembah di Madinah-syeikh). Abu Rafi' membawakan berita gembira itu (kelahiran Ibrahim) kepada Nabi sallAllah alaihi wa sallam, lalu baginda mengurniakan seorang hamba kepadanya.

Beliau ini juga merupakan bidan kepada Fatimah anak perempuan Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam, dan beliau jugalah yang memandikan (jenazah) Fatimah radiAllah ta'ala anha, disaksikan oleh Ummu 'Atiyyah alKhofidoh (mudin perempuan), yang akan dikisahkan kelak. Begitu juga, Salma menyaksikan perang Khaibar, bersama Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam.

***

Adapun Tukang memandikan jenazah perempuan, telah dikisahkan bahawa Salma maula Nabi sallAllah alaihi wa sallam, isteri kepada Abu Rafi', yang merupakan bidan Mariah ibu Ibrahim, telah memandikan (jenazah) Fatimah binti Nabi sallAllah alaihi wa sallam, dan bahawa Ummu 'Atiyyah telah hadir bersamanya (dalam proses memandikan itu).

***

Adapun Mudin Wanita, ialah tukang sunat wanita. Orangnya pada zaman Nabi sallAllah alaihi wa sallam ialah Ummu 'Atiyyah. Beliau inilah yang mengkhatankan anak-anak perempuan. Diriwayatkan bahawa Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam bersabda kepadanya, "Sunatkanlah dan janganlah melampau-lampau (yakni janganlah dikau terlampau-lampau dalam meneliti tempat khitan-syeikh), sesungguhnya demikian itu lebih menaikkan seri muka, dan lebih menguntungkan para suami."

Orang yang pertama sekali menebuk kedua telinganya, dan bersunat, daripada kalangan wanita ialah Hajar ibu Ismail alaihissalam. Demikian itu kerana, Sarah marah kepada beliau, dan beliau (Sarah) bersumpah untuk memotong tiga bahagian badannya (Hajar). Ibrahim alaihissalam memerintahkan beliau untuk menunaikan sumpah tersebut, dengan menebuk kedua telinganya (Hajar) dan menyunatkannya. Maka demikian itupun menjadi sunnah (ajaran teladan) buat seluruh wanita[5].

Ummu 'Atiyyah radiAllah ta'ala anha di antara kibar (senior) para sahabat daripada kalangan wanita. Beliau menyertai perang yang banyak bersama Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam, merawat orang-orang yang sakit dan cedera (dalam peperangan). Beliau (meriwayatkan) beberapa hadis daripada Nabi sallAllah alaihi wa sallam. Sebahagian mereka (para penulis biografi para sahabat) tidak menyebutkan beliau ini daripada kalangan Sohabiyat (para sahabat yang wanita).

***

Adapun alMurdhi'ah (ibu susuan) : Ummu Burdah[6] binti alMundzir bin Zaid bin Labib bin Khorasy bin 'Amir bin Ghonam bin 'Adiy bin anNajjar, beliau inilah yang telah menyusukan Ibrahim bin Nabi kita sallAllah alaihi wa sallam. Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam memberikannya (Ibrahim) kepadanya (Ummu Buraidah), pada waktu beliau

---

[5] Kisah ini mirip kepada Israiliyat, dan Allah Maha Tahu.

[6] Dinyatakan dalam teks asal sebagai Ummu Buraidah, namun kita ubah kepada yang lebih tepat yakni Ummu Burdah.

(Ibrahim) dilahirkan oleh ibunya (Mariah). Beliau terus menyusukannya, hinggalah (ke waktu) beliau (Ibrahim) meninggal dunia di sisinya.

Beliau ini ialah isteri kepada alBara' bin Aus bin Khalid anNajjar. Beliau ini (alBara') merupakan bapa susuan kepada Ibrahim, kerana isterinya Ummu Burdah menyusukannya dengan susu miliknya (alBara'). Beliau (Ummu Burdah) juga digelar sebagai Ummu Saif, dan suaminya Abu Saif. alBukhari rahimahullah meriwayatkan daripada Anas bin Malik radiAllah ta'ala anhu, bahawa beliau berkata, "Kami masuk bersama Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam ke (rumah) Abu Saif alQain (Tukang besi), dan beliau ini merupakan bapa susuan bagi Ibrahim. Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam mengambil Ibrahim, menciumnya dan menghidunya (kerana sayang)." Selesai (penukilannya). Sepertimana kuniahnya Ummu Burdah, kuniahnya Ummu Saif itu lebih masyhur. Demikian itu telah disebutkan di dalam Fasal Kedua, bab 12, artikel ke-5 (buku ini).

***

Adapun alMughanniyah (Penyanyi), ia adalah kata terbitan daripada alGhina' (nyanyian) dengan memanjangkan (suara). Asalnya (maksud perkataan) ialah meninggikan suara, dengan sesuatu (cara) dan berterusan melakukannya berkali-kali....

Bukanlah semua orang yang mendondangkan syair atau selainnya itu dinamakan sebagai Penyanyi, melainkan hanya bagi orang yang menjadikannya sebagai kerjaya. Adapun hamba-hamba perempuan atau selain mereka, daripada kalangan lelaki yang mendondangkan syair di dalam urusan

harian mereka, dan di kala mereka bersendiri, dan melagukannya pula, tidaklah dinamakan sebagai penyanyi (kerana itu bukan karier mereka).

Katanama Penyanyi ini selalunya dipanggil sebagai alQainah, meskipun pada asalnya perkataan alQainah ini merujuk kepada Hamba Perempuan, samada penyanyi ataupun bukan. Kata jamaknya ialah alQiyan.

Sebahagian mereka (para ulama) mentafsirkan al-Lahw (hiburan), di dalam firmanNya ta'ala, "Dan ada di antara manusia: orang yang memilih serta membelanjakan hartanya kepada cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan.." (Luqman, 6) sebagai Nyanyian...
Meskipun demikian, hendaklah demikian itu tidak difahami secara mutlaknya. Sedangkan ia pernah berlaku pada zaman baginda sallAllah alaihi wa sallam...

Muslim rahimahullah ta'ala turut meriwayatkan bahawa Abu Bakar asSiddiq masuk (menziarahi)nya (Aisyah), dan di sisi beliau (Aisyah) terdapat dua orang hamba wanita, di Hari Mina, dan kedua-duanya menyanyi dan memukul gendang, dan Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam pula melitupi badannya dengan kain pakaiannya. Abu Bakar radiAllah anhu menggertak mereka berdua, lalu Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam membuka litupan itu, dan bersabda, "Biarkanlah mereka berdua, wahai Abu Bakar, sesungguhnya ini ialah hari raya." Selesai (penukilannya).

Duff (gendang) ialah apa yang dinamakan orang ramai sebagai atTor, ialah apa yang digunakan oleh para penyanyi dinihari di majlis-majlis perkahwinan. Terdapat kepingan-kepingan simbal bulat yang dipasang di sekelilingnya, dan

kedengaran bunyi kerincing saat ia dipukul dan ia (kepingan simbal itu) berlaga antara satu sama lain. Orang Arab pula terkenal memasangkan alJalajil (kepingan-kepingan simbal kecil) pada duff mereka...

Muslim meriwayatkan daripada Aisyah radiaAllah ta'ala anda, bahawa beliau berkata, : Abu Bakar menziarahiku, dalam keadaan dua orang hamba wanita daripada hamba-hamba orang Ansar duduk menyanyikan tentang kisah yang beredar dalam kalangan Ansar berkenaan tentang Hari Bu'ats (hari peperangan yang dimaklumi antara Khazraj dan Aus, dan kemenangan berpihak pada Aus pada ketika itu - syeikh). Beliau (Aisyah) berkata, "Mereka ini bukanlah penyanyi (yakni bukanlah nyanyian itu karier mereka – syeikh)." Abu Bakar berkata, "Adakah (hiburan) dengan seruling syaitan di rumah Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam?" Demikian itu berlaku pada hari raya.

Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam berkata, "Wahai Abu Bakar, bagi setiap kaum itu ada hari rayanya. Ini pula adalah hari raya kita." Selesai (penukilannya)...

Adapun berkenaan orang yang menyanyi di majlis perkahwinan, alBukhari telah meriwayatkan daripada Aisyah radiAllah ta'ala anha, bahawa beliau telah mengatur perkahwinan seorang wanitakepada seorang lelaki Ansar. Nabi sallAllah alaihi wa sallam bersabda, "Wahai Aisyah, kenapakah kalian ini tiada alLahwu (hiburan)? Sesungguhnya orang Ansar itu sukakan hiburan."

anNasa'ie meriwayatkan daripada Jabir radiAllah ta'ala anhu, beliau berkata, "Aisyah radiAllah ta'ala anha menguruskan nikah seseorang wanita yang memiliki

hubungan kekeluargaan dengannya, dengan seorang lelaki Ansar. Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam bersabda, “Kalian telah menghadiahkan seorang perawan (kepada lelaki Ansar ini). Alangkah baiknya kalau kalian kirimkan bersamanya orang yang menyanyikan, “*Atainakum atainakum, fa hayyana wa hayyakum!* (Kami telah datang kepada kamu, kami telah datang kepada kamu! Maka selamat datanglah buat kami dan selamat datanglah buat kamu!)

anNasa’ie meriwayatkan daripada ‘Amir bin Sa’id, beliau berkata, “Daku masuk menziarahi Qurazah bin Ka’b, dan Abu Mas’ud alAnsari, di satu majlis perkahwinan, dalam keadaan adanya hamba-hamba wanita yang sedang bernyanyi. Daku berkata, “Kamu ini sahabat Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam, dan ahli Badar, dan perbuatan (menyanyi) ini dibuat di depan kamu?!” Mereka berkata, “Kalau kamu mahu, duduklah, dan dengarlah bersama kami. Sekiranya kamu mahu, pergilah. Sesungguhnya telah diberikan keringanan kepada kami berkenaan hiburan di majlis kahwin.”...

Para qainah (penyanyi perempuan) juga telah bernyanyi di hadapan Nabi sallAllah alaihi wa sallam, dengan izin baginda, agar Ummul Mukminin Aisyah radiAllah ta’ala anha mendengarkannya.

anNasa’ie rahimahullah ta’ala meriwayatkan daripada asSa’ib bin Yazid radiAllah ta’ala anhu, bahawa seseorang wanita telah datang kepada Rasulullah sallAllah alaihi wa sallam. Lalu baginda bersabda, “Wahai Aisyah, dikau kenalkah orang ini?” Beliau menjawab, “Tidak, wahai Nabi Allah.” Baginda bersabda, “Ini adalah penyanyi bagi Bani

Fulan, adakah dikau suka untuk dia bernyanyi buatmu?" Maka penyanyi itupun bernyanyi buatnya...

Alhamdulillah,
segala puji bagi Allah,
dahulu, kini dan selamanya,
atas penyempurnaan terjemahan
bagi *Karier Wanita di Zaman Nabi sallAllah alaihi wa sallam* karangan Syeikh Rifa'at atTahtawi ini,
pada asar 27 Jumada atsTsaniyah 1440H, bersamaan isnin
4 Mac 2019M, di Maktabah atTauhidi, negeri Sabah
alMahmiyah billah, di tangan empunya segala
dosa dan kesilapan Syafiq atTauhidi. Semoga
Allah yang baik menerimanya dan
mengumumkan manfaatnya
kepada seluruh
umat.